

Rumah Terbuka Kaamatan di UMS 31 Mei

KUALA LUMPUR. Lebih 6,000 pengunjung dijangka menghadiri Sambutan Rumah Terbuka Tadau Kaamatan yang akan diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu pada 31 Mei ini.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi menganjurkan majlis itu berkata, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra

Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid akan bersama-sama rakyat untuk memeriahkan perayaan tersebut.

Rumah terbuka kali ini akan dimeriahkan dengan pelbagai pertunjukan kebudayaan dan kesenian, kata kementerian itu dalam kenyataan di sini, pada Isnin

Tadau Kaamatan merupakan perayaan masyarakat Kadazandusun yang diadakan setiap kali selepas musim menuai padi dan diraikan dengan para tetamu

akan dijamu dengan pelbagai kuih muih dan minuman air tapai.

Upacara pemujaan semangat padi akan turut diadakan semasa perayaan agar hasil tuaian padi penduduk bertambah baik.

Kementerian itu berkata, perayaan rumah terbuka tersebut diadakan bagi meningkatkan serta mengeratkan lagi perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini. – Bernama

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH